



Geotapak ini terletak di tengah Pulau Tuba, bahagian tenggara Langkawi. Lipatan Bukit Kechil ialah fenomena istimewa yang boleh ditemui di dalam batu kapur Formasi Setul berusia Ordovisi hingga Devon (505-390 juta tahun). Lipatan di sini mewakili proses gelongsoran dan nendatan dalam keadaan mulur sebakik sahaja pengendapan sedimen berlaku di dasar laut. Dalam keadaan begini, struktur perlipatan asal masih dikekalkan walaupun telah mengalami lipatan yang sangat rencam. Di lokasi ini, fenomena ini dapat dilihat dengan jelas, akibat terjadinya sesar menghasilkkan blok batu yang jatuh, mendedahkan lipatan rencam pada dinding batu ini. Geotapak ini mempunyai nilai pendidikan yang tinggi kepada pelajar dan penyelidik, tentang proses geologi yang luar biasa. Dalam keadaan biasa, batuan mengalami perlipatan disebabkan oleh proses tektonik, iaitu sama ada pengangkatan atau mampatan pada kerak bumi dalam jangka masa yang panjang. Lipatan nendatan boleh berlaku hanya dalam masa yang sangat singkat sekiranya terjadi gangguan di luar dugaan seperti gegaran oleh gempa bumi. Banyak teori geologi muncul daripada cerapan lapangan dan satu daripadanya yang paling asas ialah 'proses masa kini adalah kunci masa lampau'. Corak lipatan yang menarik seolah seperti lukisan tabii dengan keindahan yang mengagumkan boleh menimbulkan inspirasi kepada masyarakat awam.

Bukit Kechil Fold Geosite is located in the middle of Pulau Tuba, southeast of Langkawi. Bukit Kechil Fold is a special phenomenon found in the Setul Formation limestone aged Ordovician to Devonian (505-390 million years). The fold here represents a sliding and folding processes in a ductile condition, as soon as sediment was deposited on the seafloor. In such circumstance, the original folding structure is still maintained despite having gone through a very complex folding. At this location, this phenomenon can be clearly seen, due to the fallen block along fault or fracture plain, where the slump folds are exposed. This site has a high educational value for students and researchers, about outstanding geological processes. In normal circumstances, rocks are displaced due to the tectonic process, i.e. whether uplift or compression of the crust in the long term. Slump folds can only occur in a very short time in the event of stochastic disturbances, such as tremor in an earthquake. Many geological theories arise from field observations and one of the most basic is that 'the present process is the key to the past'. Interesting folding patterns are like natural paintings with amazing beauty that can inspire the public.



I Pembentukan lipatan nendatan
Formation of slump fold

- a) Struktur lipatan pada dinding blok batu jatuh di Bukit Kechil
Fold structures on the wall of a fallen block of rock at Bukit Kechil
- b) Geotapak yang penting bagi program pendidikan dan penyelidikan
An important geosite for education and research
- c) Dinding menegak batu kapur Formasi Setul di Bukit Kechil
Vertical wall of Setul Formation limestone at Bukit Kechil

